

Abdullah Joffri
Blk 420, #07-1113
Ang Mo Kio Ave.10
Singapura 560420
Tel: 64565196 / 93202146

30hb September 2013

Puan Julina Khusaini
Pengurus Besar
Yayasan Warisan Melayu
85 Sultan Gate
Singapura 198501

Asalamualaikum wr. wb.

Puan Julina yang dihormati,

Perkara: MHF/COR/MISC/04-2013 – Artefak-Artefak Gedung Kuning

Saya ingin merujuk kepada surat puan yang bertarikh 24hb Jun 2013. Kini sudah lebih 3 bulan berlalu dan saya masih belum menerima apa-apa berita daripada puan.

Mungkin puan sibuk dengan pekerjaan dan tugas sampiran yang lain. Di sini ingin saya mengingatkan puan bahawa perkara yang saya utarakan di dalam surat saya pada 15hb Jun 2013 amat penting dan saya berharap puan akan menjalankan tugas puan dengan cara profesional.

Sila beritahu saya mengenai perkara-perkara berikut:

1. Tag penghargaan (acknowledgement tags)
Sudahkah ia dibuat? Sila beritahu saya tarikh bila saya boleh melihatnya berserta artefak tersebut disimpan di muzium atau restoran Mamanda atau di tempat simpanannya.
2. Lampiran artefak-artefak Gedung Kuning
Sila beritahu saya bila puan akan membuatkan senarai artefak-artefak itu, keadaannya dan di mana ianya disimpan. Saya juga ingin tahu apakah tindakan Yayasan Warisan Melayu (MHF) mengenai barang-barang kami yang telah pecah semasa dalam simpanan MHF.

Terima kasih.

Yang benar,



Abdullah Joffri
Pengamanah estet Haji Yusoff bin Haji Mohamed Noor

Salinan kepada:

Puan Zuraidah Abdullah, Pengerusi, Yayasan Warisan Melayu (MHF)
Puan Rosa Daniel, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Warisan Negara (NHB)
Dr. Yaacob Ibrahim, Menteri yang bertanggungjawab tentang hal-ehwal orang Melayu-Islam